

04/01/2003

Batu Putih: Syor Singapura dipertikai

PUTRAJAYA, Jumaat - Malaysia hari ini mempertikaikan cadangan Singapura supaya perjanjian khas berhubung tuntutan terhadap Pulau Batu Putih untuk dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) ditandatangani ketika mesyuarat Asean-Kesatuan Eropah (EU), di Brussels, Belgium akhir bulan ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia sebelum ini mencadangkan sehingga tujuh tarikh sejak tahun lalu tetapi ini kali pertama republik itu memberikan maklum balas berhubung tarikh dan tempat perjanjian itu ditandatangani.

Katanya, nota yang diterimanya dari Kementerian Luar Singapura hari ini menyatakan kesediaan Singapura menandatangani perjanjian itu pada 27 atau 28 Januari di Brussels.

"Saya mahu melihat kenapa tergesa-gesa mahu menandatangani perjanjian itu ketika mesyuarat Asean-EU.

"Bila mereka memberi tarikh, ia adalah keputusan muktamad tetapi apabila kita memberi banyak tarikh, mereka berkata mereka akan memikirkannya.

"Kenapa mesti kita berjalan jauh hingga ke Brussels sedangkan ia boleh ditandatangani di ibu negara kedua-dua negara. Jika mereka mahu menandatangani perjanjian itu, bila-bila masa kita sedia tetapi kenapa tunggu (27 dan 28 Januari).

"Saya akan lihat sama ada tarikh dan tempat yang dicadangkan sesuai atau tidak," katanya pada rumah terbuka Aidilfitri Kementerian Luar, di sini petang ini.

Malaysia dan Singapura yang bertelingkah berhubung kedaulatan Pulau Batu Putih bersetuju pertikaian itu diselesaikan di ICJ.

Bagaimanapun, keengganan dan sikap berdolak-dalik Singapura berhubung tarikh persetujuan perjanjian khas itu ditandatangani mengeruhkan lagi hubungan dua hala yang memang berdepan beberapa isu seperti kajian semula harga air.

Isu kedaulatan Pulau Batu Putih sampai kemuncak apabila Pengawal Pantai republik itu menghalau bot Polis Marin yang meninjau pulau itu minggu lalu.

Ditanya sama ada Malaysia akan menerima tarikh yang dicadangkan itu, Syed Hamid berkata, jika ia tidak dipersetujui kerajaan, Malaysia akan mencadangkan tarikh baru.

"Adalah salah untuk beranggapan apabila tarikh ditetapkan Singapura, ia terus diterima Malaysia. Jika saya ada di sana kita akan tandatangi, jika tidak kita cadangkan tarikh lain," katanya sambil menambah, beliau juga tidak pasti menghadiri mesyuarat Asean-EU berikutan lawatannya ke Lubnan selain persiapan untuk Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM).

Sementara itu, Syed Hamid menyangkal mengaitkan Singapura negara yang melancarkan strategi forward defence dan preemptive strike seperti ditegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan Tahun Baru 2003 kelmarin.

Katanya, apa yang dilaporkan sebuah akhbar itu tidak betul, sebaliknya, kenyataannya menyokong usaha mempertahankan kedaulatan negara ini daripada pencerobohan.